

PROMOSI eCASA HLB CONNECT MEI – JULAI 2026

[\(English Version\)](#)

Kemas Kini Terakhir pada 1 Mei 2026

TEMPOH PROMOSI

“PROMOSI ECASA HLB CONNECT MEI – JULAI 2026” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad’s (Pendaftaran No. 193401000023 (97141-X)) (**“HLB”**) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad’s (Pendaftaran No. 200501009144 (686191-W)) (**“HLISB”**) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai **“Bank”**”) bermula pada 11 Mei 2026 dan berakhir pada 10 Julai 2026 (**“Tempoh Promosi”**), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi (**“T&S”**):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada individu terpilih atau pelanggan pemilik tunggal Bank yang telah menerima jemputan melalui e-mel dan/atau pemberitahuan semerta HLB Connect App (“Pemberitahuan Aplikasi”)/iklan yang disasarkan untuk menyertai Promosi ini. Bagi tujuan Promosi ini, pelanggan terpilih (hanya terpakai kepada pengguna Aplikasi HLB Connect Online dan/atau HLB Connect App sedia ada) (**“Pengguna HLB Connect”**) yang tidak mempunyai Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (**“CASA/CASA-i”**) dengan Bank (selepas ini dirujuk sebagai **“Pelanggan”**).
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang:
 - (i) pernah melakukan atau Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa Pelanggan telah melakukan perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah laku berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
 - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini, terma dan syarat CASA/CASA-i dan/atau Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect (**“Terma dan Syarat yang Terpakai”**) pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut melalui HLB Connect App dan /atau HLB Connect Online, semasa Tempoh Promosi:
 - a) muat turun HLB Connect App (terpakai untuk Pengguna HLB Connect tanpa HLB Connect App) dan mengemukakan permohonan untuk Pay&Save/Pay&Save-i melalui HLB Connect App (**“CASA/CASA-i Terpakai”**);

- b) aktifkan CASA/CASA-i Terpakai yang baru dibuka dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas menerima pemberitahuan e-mel dan/atau SMS Bank, dan lakukan pemindahan masuk dalam talian minimum sebanyak Ringgit Malaysia Seratus (RM100) dari akaun bank mereka sendiri dengan bank lain; dan
- c) selepas pengaktifan CASA/CASA-i Terpakai, lakukan Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 2](#) di bawah.

(Pelanggan yang telah memenuhi SEMUA syarat yang dinyatakan di bawah Klausula 3 di atas selepas ini akan dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”).

4. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat yang dinyatakan di bawah Klausula 3 di atas berpeluang untuk memenangi hadiah yang berkenaan, dengan syarat mereka telah memenuhi kriteria yang berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan 2 di bawah. Hadiah-hadiah adalah:
 - i. RM10 Pulangan Tunai Pendaftaran (“Pulangan Tunai Pendaftaran”); dan
 - ii. e-Baucar Shopee RM30 (“e-Baucar Shopee/e-Baucar”) atau Pulangan Tunai RM200 (“Pulangan Tunai RM200”)
 - iii. (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “Hadiah” dan pelanggan yang menang ialah “Pemenang Hadiah”).
5. Bagi mengelakkan keraguan, para pemenang untuk Pulangan Tunai Pendaftaran masih layak untuk memenangi e-Baucar Shopee atau Pulangan Tunai RM200 tertakluk kepada pemenuhan kriteria yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 1 di bawah](#).

Jadual 1: Hadiah & Pemilihan Pemenang

Hadiah - Hadiah	Bulan Promosi	Jumlah Pemenang	Kriteria Pemilihan Pemenang
RM10 Pulangan Tunai Pendaftaran Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Pulangan Tunai Pendaftaran sepanjang Tempoh Promosi	11 Mei – 10 Jun 2026	800	<ul style="list-style-type: none"> • 800 Pelanggan yang Layak pertama dalam Bulan Promosi yang berjaya membuka CASA/CASA-i Terpakai melalui HLB Connect App dan mengaktifkannya mengikut Klausula 3 (b) di atas. • Pemenang untuk Pulangan Tunai Pendaftaran ini masih layak memenangi e-Baucar Shopee RM30 atau Pulangan Tunai RM200 (dengan syarat mereka telah memenuhi kriteria yang ditetapkan). • Pemilihan pemenang adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat.
	11 Jun – 10 Julai 2026	800	

<p>Pulangan Tunai RM200</p> <p>Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Pulangan Tunai RM200 sepanjang Tempoh Promosi</p>	11 Mei – 10 Jun 2026	10	<p>10 Pelanggan yang Layak pertama dalam Bulan Promosi yang memenuhi semua kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melengkapkan jenis Transaksi yang Layak terbanyak (tertakluk kepada minimum empat (4) jenis) seperti yang disenaraikan dalam Jadual 2 di bawah menggunakan CASA/CASA-i Terpakai yang baru dibuka semasa Tempoh Promosi melalui HLB Connect dan/atau HLB Connect Online. • Semua jenis Transaksi yang Layak mesti dilakukan menggunakan CASA/CASA-i Terpakai yang baru dibuka yang sama. Transaksi yang dilakukan merentasi berbilang akaun CASA/CASA-i Terpakai oleh Pelanggan yang sama tidak boleh digabungkan atau diagregatkan untuk memenuhi kriteria kelayakan. • Pemilihan pemenang adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat. • Sekiranya berlaku seri, cap waktu terawal bagi transaksi kelayakan terakhir akan diutamakan. • Pemenang untuk Pulangan Tunai RM200 ini tidak layak memenangi e-Baucar Shopee.
	11 Jun – 10 Julai 2026	10	
<p>RM30 e-Baucar Shopee</p> <p>Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) RM30 e-Baucar Shopee sepanjang Tempoh Promosi</p>	11 Mei – 10 Jun 2026	350	<p>350 Pelanggan yang Layak pertama dalam Bulan Promosi yang memenuhi semua kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melengkapkan mana-mana tiga (3) jenis Transaksi yang Layak seperti yang tersenarai dalam Jadual 2 di bawah, menggunakan 'CASA/CASA-i Terpakai' yang baru dibuka semasa Tempoh Promosi melalui HLB Connect dan/atau HLB Connect Online. • Tiga (3) jenis Transaksi yang Layak mesti dilakukan menggunakan CASA/CASA-i Terpakai yang baru dibuka. Transaksi yang dilakukan merentasi berbilang akaun CASA/CASA-i Terpakai tidak boleh digabungkan atau diagregatkan untuk
	11 Jun – 10 Julai 2026	350	

			<p>memenuhi kriteria kelayakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemenang dipilih berdasarkan siapa cepat dia dapat. • Sekiranya berlaku seri, cap waktu terawal bagi transaksi kelayakan terakhir akan diutamakan. • Pemenang RM30 e-Baucar Shopee tidak layak untuk memenangi Pulangan Tunai RM200.
--	--	--	--

Jadual 2: Transaksi yang Layak

<ul style="list-style-type: none"> • QR Pay kepada saudagar tempatan di Malaysia (min. RM10) • Pembayaran Bil (min. RM10) • Pindahan DuitNow (min. RM10) • Perbankan/Dompet Dalam Talian DuitNow (min. RM10) • Tambah Nilai Prabayar (min. RM10) • QR Pay Rentas Sempadan kepada saudagar luar negara • Deposit Mata Wang Asing • Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i • Pindahan Luar Negara • Tambah nilai ASNB
--

PENGUMUMAN DAN PEMENUHAN PEMENANG

6. Senarai Pemenang Hadiah akan disiarkan di laman web Promosi (www.hlb.com.my/connectecasa) ("Laman Web Promosi") pada **21 September 2026**. Pemenang Hadiah bertanggungjawab untuk memeriksa sama ada mereka telah memenangi sebarang hadiah dengan mengunjungi Laman Web Promosi pada tarikh yang ditetapkan.
7. Pemenang Hadiah akan dimaklumkan tentang kemenangan mereka melalui Pemberitahuan Aplikasi atau e-mel (berdasarkan maklumat Pelanggan yang Layak yang tersedia dalam rekod Bank) pada **5 Oktober 2026**.
8. Pulangan Tunai Pendaftaran RM10 dan/atau Pulangan Tunai RM200 akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Terpakai Pemenang Hadiah dengan Bank pada **5 November 2026**.
9. Terma dan syarat untuk Pemenang Hadiah e-Baucar Shopee:
 - (i) Pemenang e-baucar akan menerima kod e-Baucar mereka melalui Pemberitahuan Aplikasi atau e-mel (berdasarkan maklumat Pelanggan yang Layak yang terdapat dalam rekod Bank) pada **20 November 2026**.
 - (ii) Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memberitahu Pemenang tentang pemenuhan/penghantaran kod e-Baucar. Para pemenang e-Baucar dikehendaki

- menyemak e-mel atau mengakses HLB Connect App mereka pada selang masa yang tetap untuk menyemak status pemenuhan/penghantaran kod e-Baucar.
- (iii) e-Baucar Shopee tertakluk kepada terma dan syaratnya sendiri yang dikeluarkan oleh Shopee Mobile Malaysia Sdn Bhd. (201501009497 (1134832-W)) di <https://help.shopee.com.my/4/article/163108-Shopee-Voucher-Terms> ("**Laman Web Pembekal e-Baucar**").
 - (iv) Pemenang e-Baucar dikehendaki mengakses Laman Web Pembekal e-Baucar untuk melihat terma dan syarat tersebut.
 - (v) Para Pemenang e-Baucar hendaklah berurusan secara terus dengan vendor bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian, maklumat jaminan atau tuntutan berkaitan e-Baucar tanpa mendapatkan bantuan daripada Bank. Semua risiko, kehilangan, kerosakan yang berkait dengan penggunaan e-Baucar hendaklah ditanggung oleh pemenang e-Baucar. e-Baucar tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, atau barangan, secara keseluruhan atau sebahagian.
10. Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.
 11. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penanguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah.
 12. Bank berhak untuk menggantikan e-Baucar dengan mana-mana item lain atau Pulangan Tunai yang sama nilainya mengikut budi bicaranya dengan memberi notis awal kepada Pemenang.
 13. Kesemua Hadiah akan disediakan atas dasar "**Sedia Ada**" (**atas dasar sedia ada**). Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan tidak akan menjadi sebahagian daripada Hadiah tersebut.
 14. Menjadi kewajipan semua Pemenang Hadiah untuk menghubungi Bank tentang kegagalan penerimaan Hadiah **sebelum 4 Disember 2026**. Jika gagal, Pemenang Hadiah dianggap telah menerima Hadiah dan sebarang tuntutan pembayaran balik selepas 4 Disember 2026 tidak akan diproses.

AM

15. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:

- (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Terpakai;
- (ii) bersetuju bahawa semua rekod pemenuhan syarat yang ditangkap oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Hadiah adalah konklusif, muktamad dan mengikat;
- (iii) setuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pelanggan Layak;
- (iv) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka seperti nama, alamat e-mel, nombor telefon dan alamat rumah/tempat kerja kepada syarikat kurier yang dilantik oleh Bank bagi pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah-hadiah untuk Promosi ini, dan mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS atau e-mel bagi Promosi ini seperti Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U));
- (v) bersetuju untuk bertanggungjawab menyediakan butiran kontak mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih, alamat e-mel serta memaklumkan Bank dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan. Selain bagi kerugian dan kerosakan yang berpunca secara langsung daripada keingkaran sengaja atau kecuaiian melampau, pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab, sekiranya Pelanggan Yang Layak gagal dihubungi. Selain itu, pihak Bank juga tidak bertanggungjawab atas kegagalan penghantaran SMS dan/atau e mel yang disebabkan oleh kejadian di luar kawalan atau maklumat perhubungan yang tidak tepat yang diberikan.
- (vi) bersetuju dan membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi (iaitu nama dan nombor ID dan/atau akaun yang disembunyikan) para Pemenang bagi tujuan pengumuman Pemenang tanpa bayaran untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
- (vii) bersetuju untuk melayari Laman Web Promosi secara berkala untuk meneliti T&S Promosi dan memastikan mereka mengikut perkembangan terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi pada T&S tersebut;
- (viii) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak adalah bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan yang Layak memiliki simpanan peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS dan/atau e-mel dan ketersediaan dan kualiti perkhidmatan telefon mudah alih/penyedia perkhidmatan rangkaian internet yang berkenaan, dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai kawalan ke atas peristiwa di luar kawalan munasabah, seperti:
 - a. SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau;
 - b. sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan yang Layak.

(selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**").

Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelambatan atau kegagalan menerima sebarang transmisi SMS dan/atau e-mel dari Bank dan begitu juga sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Bank tidak akan memproses sebarang rayuan yang timbul daripada sebarang kelewatan atau kegagalan yang disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian yang berada di luar kawalan munasabah pihak Bank;

- (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayuan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan
- (x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.

16. Bank berhak:

- (i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan melalui Laman Web Promosi;
- (ii) membatalkan Hadiah yang diperoleh sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat yang Terpakai; dan
- (iii) untuk menarik balik Hadiah sekiranya terdapat sebarang penipuan dan pelanggaran yang dikesan terhadap Terma dan Syarat yang Terpakai.

17. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.

18. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang tersenarai di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada laman web Promosi akan digunakan.

19. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

20. Melainkan dinyatakan sebaliknya, kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Produk Deposit-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Ahli PIDM. Produk-produk CASA/CASA-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit ([rujuk Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).



Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.